

Penduduk bosan isu banjir kilat

Tuntut penyelesaian terbaik atasi banjir kilat di kawasan Selayang Baru

■ NORAFIZA JAAFAR

SELYANG - "Banjir lagi. Bila nak selesai masalah ni entahlah," demikian luahan seorang penduduk Selayang Baru di laman sosial Facebook yang di tag kepada Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib rentetan kejadian banjir kilat kelmarin.

Dalam kejadian jam 5 petang itu beberapa kawasan sekitar Selayang Baru termasuklah Jalan 19, 29, 32, 33 dan 62 dinaiki air setinggi 0.5 meter selepas sejam hujan.

Pengerusi JKKK Selayang Baru, Jumari Talip berkata, beberapa jalan taman perumahan tidak dapat dilalui selepas air longkang melimpah dan sebuah kantin sekolah menengah turut terjejas.

"Hujan semalam (kelmarin) agak lebat dari biasa. Jika hujan biasa air sudah naik, inikan pula hujan lebat. Beberapa rumah penduduk dimasuki air meskipun tembok telah

dipasang.

"Jalan 62 antara lokasi yang terjejas teruk disebabkan lokasinya rendah dan hampir dengan Sungai Udang yang merupakan laluan utama air dari arah Selayang Baru dan kawasan sekitar," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, pihaknya memohon supaya naik taraf Sungai Udang dapat disegerakan kerana dimaklumkan peruntukan tiada dalam bajet tahun hadapan.

"Sungai Udang memang tak mampu tampung air jika hujan lebat. Mohon Jabatan Pengairan dan Saliran mempergiatkan kerja pembersihan sekurang-kurangnya dua kali seminggu di situ termasuk longkang utama.

"Majlis Perbandaran Selayang juga diharap dapat menaik taraf longkang lama sekitar Selayang Baru dan dalam masa sama mengubah jadual pembersihan longkang seminggu



Keadaan jalan Selayang Baru yang dinaiki air.

sekali bagi sampah biasa sementara mengorek pasir dua bulan sekali berikutan longkang sedia ada yang uzur," katanya.

Tambahnya lagi, pihaknya memohon bantuan atau peruntukan se-



Kegiatan penduduk tergendala akibat banjir kilat.

gera dilakukan kerana kebiasaan hujan tahun merupakan musim hujan dan Selayang Baru tidak lekang dari banjir.

Zaidy yang kini berada di Mekah bagi menunaikan ibadah Haji ber-

sama isteri bagaimana pun maklum dengan perkara itu.

Dalam kejadian berasingan, banjir kilat turut melanda Pekan Lama Rawang dan beberapa premis peniaga turut dimasuki air.